



09 NOV, 2022

**Baiki segera la boh!**

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

## TANGGA KINCIR ANGIN PULAU PERHENTIAN ROSAK TERUK

# Baiki segera la boh!

Oleh Faizul Azlan Razak  
am@hmetro.com.my

### Besut

**P**emandu bot pelancong memohon pihak berkaitan supaya mengambil tindakan segera sama ada membaikpulih atau membina tangga baharu di kawasan kincir angin di Pulau Perhentian di sini.

Ini kerana, tangga yang rosak teruk sejak lima tahun lalu akibat pukulan ombak membahayakan pelancong yang ingin mengambil gambar dan melakukan aktiviti lasak seperti mendaki.

Malah, pemandu bot pelancong memaklumkan, pernah berlaku kemalangan yang menyebabkan kecederaan terhadap pelancong yang terjatuh malah ada yang patah tangan.

Tinjauan ke kawasan perancangan itu mendapati, tangga yang dibina runtuh dipukul ombak dan tidak sesuai digunakan pelancong kerana ia mendatangkan



KEADAAN tangga ke kincir angin di puncak bukit 'Long Beach' terbengkalai akibat rosak teruk. -Gambar NSTP/GHAZALI KORI

berisiko kepada mereka.

Pemandu bot pelancong, Muhammad Ikram Hafiz Mat Adam, 27, berkata, jika diikutkan, dia tidak mahu membawa pelancong ke kawasan itu kerana bimbang keselamatan mereka.

Namun, dia yang sudah lima tahun memandu bot pelancong tidak boleh menolak permintaan pelancong yang memintanya

menghantar ke kawasan kincir angin itu.

"Kawasan kincir angin itu sebenarnya tempat wajib di-singgahi pelancong yang datang bercuti di pulau ini. Jadi, saya merayu pihak berkaitan supaya menyelesaikan masalah tangga ini demi kemudahan pelancong," katanya di perkampungan di pulau berkenaan semalam.

Bagi Muhammad Musta-

qim Mohd Alias, 28, ada pelancong memberanikan diri menggunakan tangga runtuh itu untuk naik ke puncak bukit terbabit.

"Saya tidak mampu menghalang mereka walaupun sudah memberi nasihat tentang risikonya.

"Alasan mereka, tidak lengkap datang ke pulau ini jika tidak bergambar atau melakukan pendakian," katanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuala Besut Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman berkata, kawasan kincir angin itu sememangnya tarikan pelancong.

Beliau berkata, pihaknya sudah membawa isu masalah kerosakan tangga kepada kerajaan negeri namun mereka memaklumkan kawasan berkenaan milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan kawasan larangan.

"Saya sudah berbincang dengan TNB dan mereka perlukan kerja sama banyak pihak untuk selesaikan masalah itu," katanya.